



KEMENTERIAN PENGANGKUTAN  
MALAYSIA

## SIARAN MEDIA MENTERI PENGANGKUTAN MALAYSIA

### PENGEMASKINIAN SURAT PENGESAHAN PERKHIDMATAN PERLU SEPANJANG TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) UNTUK SEKTOR PENGANGKUTAN DAN LOGISTIK

Susulan pengumuman pelanjutan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di seluruh negara (kecuali Sarawak) sehingga 18 Februari 2021, sepetimana pengumuman Menteri Kanan Keselamatan, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob pada 2 Februari 2021, adalah dimaklumkan bahawa Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT) telah mengemaskini Surat Pengesahan Pengoperasian Perkhidmatan Perlu (Essential Services) untuk kegunaan pemain industri pengangkutan dan logistik sepanjang tempoh pelaksanaan PKP. Pengemaskinian ini dibuat dengan mengambil kira maklum balas serta input daripada para pemain industri pengangkutan dan logistik berkenaan isu di lapangan dan demi kepentingan rakyat.

Semua pemain industri pengangkutan dan logistik yang telah berdaftar dipelawa memuat turun surat berkenaan melalui Sistem SMILE di pautan <https://application.mot.gov.my>. MOT ingin menegaskan bahawa pemain industri pengangkutan dan logistik bertanggungjawab sepenuhnya untuk mematuhi syarat yang ditetapkan oleh Kerajaan. Tindakan mengkompaun kesalahan selaras dengan Seksyen 25, Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit [Akta 342] akan dikenakan jika gagal mematuhi.

Dalam perkembangan yang sama, tiada halangan pengoperasian dikenakan bagi perkhidmatan perlu sepanjang tempoh PKP ini termasuk ketika musim perayaan Tahun Baru Cina. Ini selari dengan peraturan-peraturan sedia ada di sepanjang tempoh PKP / Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) termasuk yang melarang pergerakan rentas negeri dan daerah kecuali bagi sektor kritikal yang telah dibenarkan. Namun diingatkan bahawa segala SOP yang ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) perlu dipatuhi tanpa sebarang kompromi.





Pada setiap tahun, MOT telah mengeluarkan perintah larangan kepada kenderaan barang daripada beroperasi di atas jalan raya bagi beberapa hari yang ditetapkan di sepanjang tempoh perayaan Tahun Baru Cina. Larangan adalah bertujuan untuk meningkatkan tahap keselamatan jalan raya serta mengelakkan berlakunya kesesakan jalan raya dengan mengurangkan percampuran kenderaan-kenderaan barang di dalam aliran trafik.

Namun begitu, memandangkan semua negeri kecuali Sarawak masih berada di bawah PKP sehingga 18 Februari 2021 dan PKPB di Sarawak adalah sehingga 14 Februari 2021, MOT tidak akan melaksanakan perintah larangan tersebut kepada kenderaan berat dalam tempoh perayaan Tahun Baru Cina pada tahun ini.

**DATUK SERI IR. DR. WEE KA SIONG  
MENTERI PENGANGKUTAN MALAYSIA  
4 FEBRUARI 2021**

**-TAMAT-**

---

**Tentang MOT:**

Kementerian Pengangkutan Malaysia bertekad untuk menjadi peneraju transformasi sistem pengangkutan yang bersepadu, efisien dan selamat dengan memperkasakan sistem pengangkutan berferaskan teknologi sebagai pemangkin pembangunan negara.

**Pertanyaan Media**  
**Kementerian Pengangkutan Malaysia**  
**Unit Komunikasi Korporat**

Tel      +603 8892 1006 (Setiausaha Akhbar)  
        +603 8892 1027 (Unit Komunikasi Korporat)  
Faks     +603 8892 0208  
E-mel    [sua@mot.gov.my](mailto:sua@mot.gov.my)  
         [unitkomunikasikorporat@mot.gov.my](mailto:unitkomunikasikorporat@mot.gov.my)

